

Empangan Klau jana kewangan

U.M M/S 14 6/02/07

RAUB 5 Feb. - Pembinaan projek Empangan Klau di Raub dijangka memberi pulangan lumayan yang dianggarkan bernilai berbilion ringgit kepada kerajaan Pahang hasil daripada penjualan sumber air mentah kepada Selangor.

Empangan yang membabitkan kawasan takungan seluas 2,300 hektar itu memiliki ketinggian 89 meter manakala kedalaman paras pengaliran airnya adalah 85 meter.

Kerajaan negeri hanya menyumbangkan sumber air tanpa mengeluarkan modal untuk membina empangan berharga lebih RM3.8 bilion itu yang kos pembinaannya ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan.

Apabila siap kelak, empangan itu dijangka

dapat memindahkan sekitar 1.5 bilion liter air sehari dari Sungai Klau di sini ke Sungai Langat di Selangor untuk kegunaan lebih daripada lima juta penduduk di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Pembinaan empangan itu berupaya memenuhi permintaan Selangor bagi menyelesaikan krisis air di negeri itu yang pada masa ini dilihat bertambah kritikal.

Keperluan penyaluran air dari Pahang dianggap mendesak memandangkan Selangor dijangka menghadapi krisis bekalan air pada tahun ini apabila projek bekalan air peringkat ketiga Sungai Selangor mencapai tahap maksimum.

Bekalan air dari Empangan Klau dijangka

dapat menambah lebih satu bilion liter air sehari kepada negeri Selangor dan projek itu dapat menampung bekalan air sehingga tahun 2010.

Keperluan air Lembah Klang/Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur untuk tempoh 2007-2010 dianggarkan 1.5 juta liter sehari dan ia dianggarkan meningkat kepada 2.26 juta liter sehari pada tahun 2010.

Selain itu, projek empangan itu menjadi serampang dua mata kepada kerajaan Pahang apabila ia juga dapat menjana tenaga elektrik hidro dan sekaligus mewujudkan sumber bekalan elektrik baru khususnya di kawasan Pahang Barat.

Penyaluran air dari Pahang ke Selangor merupakan projek Kerajaan Persekutuan yang dicadangkan sejak tahun 2000 dan dijangka menelan belanja RM2.9 bilion.

Jangkaan perancangan awal Projek Penyaluran Air Pahang-Selangor itu membabitkan beberapa komponen seperti Terowong Penyaluran Air Bawah Tanah sepanjang 44.6 kilometer dari kawasan berdekatan pekan Karak, Bentong, Pahang ke kawasan berdekatan di Gombak, Selangor.

Komponen stesen pam di Semantan, Temerloh akan dilengkapi dengan sebuah empangan kecil di sebuah kawasan tadahan hujan seluas 1,962 km persegi di sekitarnya.

Komponen lain turut membabitkan pemasangan paip besi sepanjang 11.8 kilometer dengan diameter tiga meter serta pembinaan sebuah empangan.

Kerajaan Pahang juga mencadangkan agar kerja pembekalan air tidak sekadar bersifat mentah, malah pembekalan itu juga menawarkan air yang dirawat.

Pembekalan air yang dirawat dapat memberi nilai tambah kepada sumber air dan kerajaan negeri Pahang akan mendapat hasil yang lebih banyak.

Menerusi kaedah itu, air boleh digunakan semula bagi membangunkan negeri demi kesejahteraan rakyat.

Kesan projek pembinaan Empangan Klau

- Bakal menenggelamkan kawasan seluas 2,315 hektar termasuk 1,057 hektar atau 16 peratus Hutan Simpan Lakum, Pahang.
- Menenggelamkan penempatan 326 keluarga peneroka Felda dan Orang Asli.
- Kawasan penempatan di Mentakab dan Temerloh mungkin berhadapan dengan banjir pada musim tengkujuh.
- Pembinaan terowong 45 kilometer di Banjaran Titiwangsa.
- Felda Klau (123 hektar) dan Estet Felda Krau (1,097 hektar) bakal tenggelam.
- Hutan Simpan Lakum mempunyai sebanyak 88 spesies tumbuhan herba dan 18 daripadanya dikenal pasti mempunyai nilai-nilai perubatan.
- Kira-kira dua juta tan jisim bio akan musnah.

LOKASI EMPANGAN KLAU

